

**KESALAHAN-KESALAHAN MAKAN DAN MINUM  
PADA SIANG HARI BULAN RAMADAN DI BAWAH  
PERUNTUKAN AKTA MAJLIS UGAMA ISLAM  
DAN MAHKAMAH-MAHKAMAH KADI  
PENGGAL: 77  
NEGARA BRUNEI DARUSSALAM**

*Oleh*

HAJAH NORIAH HAJI MOHAMAD

*Penyelia*

Dr. Abdurrahman Raden Aji Haqqi

Kertas Projek Ini Adalah Satu Latihan Ilmiah Untuk Memenuhi  
Sebahagian Daripada Keperluan  
Diploma Undang-Undang Dan Pentadbiran Kehakiman Islam  
Kulliyah Undang-Undang  
Universiti Islam Antarabangsa Malaysia  
Gombak, Selangor Darul Ehsan.  
Sesi 97/98

## ABSTRAK

Latihan kerja kursus ini adalah merupakan satu kajian yang ditumpukan kepada kesalahan-kesalahan makan dan minum di khalayak ramai pada siang hari bulan Ramadan dalam Undang-Undang Negara Brunei Darussalam di bawah Akta Majlis Ugama Islam Dan Mahkamah-Mahkamah Kadi Penggal 77 yang secara khusus diperuntukkan dalam bab 173 akta tersebut. Kajian ini adalah bertujuan untuk meninjau mengenai peruntukan bab 173 “Makanan Dalam Bulan Ramadan” yang meliputi perlaksanaannya, pentadbiran, prosedur mahkamah dan juga dikaitkan dengan peruntukan dalam melihat anak bulan dan mensabitkan permulaan bulan Ramadan yang terdapat dalam akta yang sama, seterusnya untuk mengetahui keberkesanan dan permasalahan yang dihadapi dalam melaksanakan dan menguatkuasakan peruntukan ini di Negara Brunei Darussalam.

Dalam penulisan ini, penulis telah membahagikan perbincangan kepada tiga bab dengan tajuk-tajuk khusus dan pada setiap bab itu terdapat pula tajuk-tajuk kecil yang berhubungkait dengan tajuk asas berkenaan. Pembahagian itu adalah seperti berikut:

Dalam Bab Pertama, penulis telah menjelaskan mengenai “Puasa Dalam Perundangan Islam” yang meliputi takrif Puasa, hukum dan pensyariatannya, rukun, syarat, keharusan berbuka puasa dan hukum orang yang meninggalkan puasa.

Dalam Bab Kedua, penjelasan dijuruskan kepada “Puasa Dalam Peruntukan Perundangan Negara Brunei Darussalam” untuk melihat dari segi pelaksanaan dan perkembangan Undang-Undang Islam di Negara Brunei Darussalam sehingga terbentuknya Akta Majlis Ugama Islam Dan Mahkamah-Mahkamah Kadi Penggal 77 dengan menyentuh secara khusus kesalahan-kesalahan makan dan minum di khalayak ramai pada siang hari bulan Ramadan yang disebutkan dalam peruntukan bab 173 “Makanan Dalam Bulan Ramadan”, prosedur penangkapan, penyiasatan dan perbicaraannya dan juga menerangkan mengenai prosedur melihat anak bulan dan pensabitan puasa di Negara Brunei Darussalam.


Dalam Bab Ketiga, penulis selanjutnya menghuraikan mengenai “Keberkesanan Pelaksanaan Peruntukan Bab 173 Dan Masalah Yang Dihadapi” dalam pelaksanaannya. Dari sudut ini penulis cuba membawakan kepentingan-kepentingan pelaksanaan peruntukan ini, keberkesanannya dan mengemukakan beberapa cadangan sebagai langkah-langkah untuk mengatasi permasalahan yang berkaitan.

Pada akhir penulisan kajian ini adalah merupakan penutup dan satu kesimpulan secara keseluruhan dari apa yang telah dihuraikan dalam kajian ini.

**PENGAKUAN:**

Saya akui karya ini adalah hasil saya sendiri  
kecuali nukilan-nukilan dan ringkasan-ringkasan  
yang pada tiap-tiap satunya telah dinyatakan  
sumber pengambilannya.

Tarikh: Disember 1998

  
(HAJAH NORIAH HAJI MOHAMAD)

## PENGHARGAAN

Al-Hamdulillah syukur kepada Allah S.W.T dengan hidayah dan inayah-Nya jua penulis telah dapat menyiapkan latihan kerja kursus ini, hanya kepada-Nya dipohonkan semoga sentiasa mendapatkan keredhaan dan kejayaan di dunia dan di akhirat, Salawat dan salam ke atas junjungan Nabi Muhammmad s.a.w. kaum keluarga dan sekalian para sahabat Baginda.

Setinggi-tinggi penghargaan dan ucapan terima kasih penulis tujukan kepada Yang Berbahagia Dr. Abdurrahman Raden Aji Haqqi selaku penyelia yang telah banyak memberi pandangan, bimbingan dan tunjuk ajar yang sangat berguna kepada penulis dalam menjayakan dan menyiapkan latihan kerja kursus ini.

Penulis juga ingin merakamkan ucapan terima kasih dan penghargaan ini kepada Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Sultan Dan Yang DiPertuan Negara Brunei Darussalam melalui Kementerian Hal Ehwal Ugama yang telah memberi peluang untuk mengikuti kursus Diploma Undang-Undang Dan Pentadbiran Kehakiman Islam di Universiti Islam Antarabangsa Malaysia, kepada pihak Universiti Islam Antarabangsa Malaysia khususnya semua pensyarah-pensyarah kulliyah Undang-Undang dan Pentadbiran Kehakiman Islam yang telah banyak mencurahkan ilmu sepanjang kursus yang diikuti penulis, juga kepada kaki tangan yang telah memberikan kerjasama dalam menyelesaikan urusan-

urusan yang berkaitan dengan kursus serta pihak Perpustakaan Universiti Islam Antarabangsa Malaysia, yang telah berkesudian dan tidak keberatan dalam meminjamkan buku-buku rujukan bagi keperluan latihan kerja kursus ini.

Ucapan terima kasih dan penghargaan ini juga tidak lupa ditujukan kepada mereka dan semua pihak yang telah memberikan berbagai-bagai bentuk pertolongan, kemudahan urusan, pengumpulan bahan-bahan yang diperlukan, rujukan dan sebagainya bagi menjayakan latihan kerja kursus ini, khususnya Pejabat-Pejabat Mahkamah Kadi Daerah Brunei Muara, Kuala Belait, Tutong dan Temburong, Bahagian Penyiasatan dan Pendakwaan, Jabatan Hal Ehwal Syariah, Kementerian Hal Ehwal Ugama, Negara Brunei Darussalam serta semua yang memberikan bantuan dan sokongan. Penulis berdoa semoga usaha dan jasa baik dari semua pihak akan menjadi amalan kebajikan yang diberkati Allah dan mendapat ganjaran dari Allah S.W.T.

Akhirnya tidak lupa sekalung terima kasih dan penghargaan istimewa penulis tujukan kepada suami Awang Haji Ali Mashod bin Haji Metahir dan anak-anak yang tercinta yang telah memberikan keizinan dan pengorbanan sepanjang penulis mengikuti kursus ini, serta sentiasa memberikan bantuan, dorongan, semangat dan doa restu demi kejayaan penulis.

## KANDUNGAN

<b>ABSTRAK</b> .....	ii
<b>PENGAKUAN</b> .....	iii
<b>PENGHARGAAN</b> .....	iv
<b>KANDUNGAN</b> .....	vi
<b>SENARAI KES</b> .....	ix
<b>DAFTAR JADUAL</b> .....	x
<b>SENARAI SINGKATAN-SINGKATAN</b> .....	ix

### **BAB: 1 :PUASA DALAM PERUNDANGAN ISLAM.**

1.1. Pendahuluan	1
1.2. Takrif Puasa	3
1.3. Hukum dan Pensyariatan Puasa	5
1.4. Rukun Dan Syarat-Syarat Puasa	7
1.4.1. Rukun Puasa	7
1.4.2. Syarat-Syarat Puasa	9

1.4.2.a. Syarat-Syarat Wajib Puasa	9
1.4.2.b. Syarat-Syarat Sah Puasa	11
1.5. Keuzuran Yang Mengharuskan Berbuka Puasa	11
1.6. Keutamaan Puasa	15
1.7. Hukum Bagi Orang Yang Meninggalkan Puasa	17

**BAB: 2 PUASA DALAM PERUNTUKAN PERUNDANGAN  
NEGARA BRUNEI DARUSSALAM**

2.1. Undang-undang Islam Di Negara Brunei Darussalam	19
2.2. Akta Majlis Ugama Islam Dan Mahkamah-Mahkamah Kadi	21
2.3. Prosedur Melihat Anak Bulan Dan Pensabitan Puasa	28
2.3.1. Penetapan Bulan Ramadan Mengikut Syarak	28
2.3.2. Proseur Melihat Anak Bulan Ramadan Di Negara Brunei Darussalam	29
2.4. Prosedur Penangkapan, Penyiasatan Dan Perbicaraan	30
2.4.1. Peringkat Penangkapan	31
2.4.2. Peringkat Penyiasatan	34
2.4.3. Peringkat Perbicaraan	35



**BAB: 3      KEBERKESANAN PERLAKSANAAN PERUNTUKAN BAB 173  
“MAKANAN DALAM BULAN RAMADAN” DAN  
PERMASALAHAN YANG DIHADAPI.**

3.1.	Kepentingan Perlaksanaan Peruntukan Bab 173 “Makanan Dalam Bulan Ramadan”	38
3.2.	Kesan Perlaksanaan Peruntukan Bab 173 “ Makan Dalam Bulan Ramadan”	42
3.3.	Permasalahan Yang Dihadapi Dalam Melaksanakan Bab 173 Dan Cadangan Untuk Mengatasinya	49
	PENUTUP	53
	BIBLIOGRAFI	56
	DOKUMAN RASMI	57
	KERTAS KERJA	57
	LAIN-LAIN RUJUKAN	58

## SENARAI KES

1. Abdul Hameed Mohamed Hussain  
9/93 Mahkamah Kadi Daerah Kuala Belait,  
Negara Brunei Darussalam. 48
  
2. i. Ade Sopandi bin Umir 32  
ii. Umi Haniah bte Abdul Khaliq.  
9/98 Mahkamah Kadi Daerah Brunei Muara,  
Negara Brunei Darussalam.
  
3. Azid bin Haji Tengah 22  
105/84 Mahkamah Kadi Daerah Brunei Muara,  
Negara Brunei Darussalam.
  
4. i. Mohammad Mustafa Khondaker Suruj Miah Khondaker 36  
ii. A.K.M. Jashimuddin Md. Abdul Mannan.  
iii. Sultan Mahmud Alli Md Abdul Motalib  
17/96 Mahkamah Kadi Daerah Brunei Muara,  
Negara Brunei Darussalam.
  
5. Ramli bin Othman 46  
16/94 Mahkamah Kadi Daerah Brunei Muara,  
Negara Brunei Darussalam.

## DAFTAR JADUAL

Jadual (i) :	Taburan Kesalahan-Kesalahan Bab 173	
	Mengikut Daerah	45
Jadual (ii) :	Jadual Kes Mengikut Daerah	46(a)

## SENARAI SINGKATAN-SINGKATAN

Abd.	=Abdul
bil	=bilangan
Dr.	=Doktor
H	=Hijrah
hb	=haribulan
hlm	=halaman
Ibid	=di tempat yang sama ( <i>ibidem</i> )
jld	=jilid
Jum	=Jumlah
k.w	=karamullah wajhahu
M	=Maschi
MD.	=Muhammad
MIB.	=Melayu Islam Beraja.
No.	=Number
Prof.	=Profesor
r.a	=radiyallah anha/radiyallah anhu
s.a.w	=sallallahu alayhi wassallam
S.W.T	=Subhanahu Wa Taala
t.t.	=tanpa tarikh

## BAB PERTAMA

### PUASA DALAM PANDANGAN ISLAM

#### 1.1. Pendahuluan

Bulan Ramadan adalah bulan yang utama berbanding dengan bulan-bulan yang lain. Keutamaan yang terdapat dalam bulan Ramadan antaranya ialah pada bulan ini Allah S.W.T telah menurunkan al-Quran kepada junjungan Nabi Muhammad s.a.w yang mengandungi petunjuk dan keterangan sebagai perlembagaan hidup yang sebenar bagi umat manusia. Firman Allah S.W.T yang bermaksud:

*"Yakni pada bulan Ramadan, yang diturunkan dalamnya al-Quran yang menjadi petunjuk bagi manusia dan penjelasan dan pedoman serta pemisah antara yang hak dan yang batil."*<sup>1</sup>

Allah S.W.T telah memilih bulan Ramadan untuk melaksanakan ibadah puasa yang menjadi salah satu Rukun Islam adalah merupakan penjelmaan dan tatacara kesyukuran dalam mensyukuri nikmat dan hidayat Allah yang telah dilimpahkan-Nya kepada manusia.

Puasa Ramadan adalah satu rangka pokok dari rangkaian pembinaan iman dan satu sendi-sendi Islam. Nas al-Quran dan al-Hadis serta ijmak yang muktabar menyatakan bahawa puasa benar-benar suatu rangka dari rangka-rangka pembinaan iman seseorang mukmin, suatu rukun dari rukun-rukun Islam dan suatu ibadah ruhiyyah yang positif yang difardukan secara tetap dan teguh.<sup>2</sup>

---

1. Al-Quran, al-Baqarah, ayat 185. Terjemahan, Hamka, Tafsir al-Azhar, (Singapura: Pustaka National, 1982), Juz 2, hlm 416.

2. T.M. Hasbi ash-Shiddiquey, Pedoman Puasa, (Kuala Lumpur: Thinker's Library Sdn Bhd, 1996), hlm 17.

Allah S.W.T berfirman yang bermaksud:-

*"Wahai orang-orang yang beriman! Diwajibkan kepada kamu puasa sebagaimana telah diwajibkan ke atas orang-orang yang sebelum kamu, supaya kamu menjadi orang yang bertaqwa."*<sup>3</sup>

Perkara ini juga ditegaskan oleh Rasulullah s.a.w dalam sabda baginda.

عن عكرمة بن خالد عن ابن عمر قال : قال رسول الله صلى الله عليه وسلم بني الاسلام على خمس : شهادة أن لا اله الا الله وأن محمدا رسول الله واقام الصلاة وايتاء الزكاة والحج وصوم رمضان .<sup>4</sup>

Maksudnya:

*Dari Akramah bin Khalid, dari Ibn Umar ia berkata, telah bersabda Rasulullah s.a.w : "Didirikan Islam itu atas lima sendi, mengakui bahawasanya tidak ada Tuhan melainkan Allah dan bahawasanya Nabi Muhammad adalah Pesuruh Allah, mendirikan solat, mengeluarkan zakat, mengerjakan haji dan puasa bulan Ramadan."*

Ayat al-Quran di atas telah menjelaskan bahawa ibadah puasa sebenarnya telah pun diamalkan oleh umat-umat yang terdahulu sebagai cara untuk mendekatkan diri kepada Allah.

---

3. Al-Quran, al-Baqarah, ayat 183. Terjemahan, Hamka, Tafsir al-Azhar, Juz 2, hlm 415 dan 416.

4. Syihab al-Din al-Asqalani, Fath al-Bari, Syarah Sahih Bukhari (Beirut: Dar al-Maarifah, t.t), Jld 1, hlm 47.

## 1.2. Takrif Puasa

Puasa ialah Rukun Islam yang keempat. Puasa dalam bahasa Arab disebut *saum* iaitu dari kata dasar *sama*, *yasumu*, *siaman*. Dari segi bahasa bererti menahan diri semata-mata. Sementara dalam pemakaian syarak bererti menahan diri daripada sesuatu yang khusus (tertentu). Berkata Abu Ubaidah "setiap orang yang yang menahan diri daripada makan dan berkata-kata dan berjalan, maka mereka adalah orang yang berpuasa".<sup>5</sup> Manakala mengikut takrif yang lain, puasa dari segi bahasa bererti menegah dan menahan daripada sesuatu. Adapun pengertiannya menurut Syarak ialah menahan diri pada siang hari daripada melakukan perkara-perkara yang membatalkan puasa dengan niat mulai dari naik fajar hingga jatuh matahari.<sup>6</sup> Apabila dikatakan seseorang itu menahan diri daripada melakukan perkara yang sia-sia atau menahan diri dari bercakap atau menahan diri daripada makan dan minum, kesemuanya itu bermaksud menahan diri daripada melakukan perbuatan yang tertentu.<sup>7</sup>

Perkara-perkara yang membatalkan puasa itu termasuklah makan dan minum serta bersetubuh suami isteri pada sianghari. Ini bererti puasa ialah menahan diri secara amali keinginan perut, faraj dan daripada sesuatu yang mempunyai rasa daripada masuk ke dalam rongga seperti ubat dan sebagainya mulai dari naik fajar yang kedua (fajar Sadiq) hingga jatuh matahari, daripada seseorang yang layak

---

5. Ahmad Ibn Muhammad al-Fayoumy, al-Misbah al-Mounir, (Beirut: al-Maktabah Labenon, 1987), hlm 135.

6. Wahbah al-Zuhaili, al-Fiqh al-Islami wa Adillatuhu, (Damsyik: Dar al-Fikr, 1409H/1998M) Juz 3, hlm 566.

7. Hassan Muhammad Ayub, Puasa Dan Iktikaf Dalam Islam, (Kuala Lumpur: Dewan Bahasa & Pustaka, t.t) hlm 3.

berpuasa iaitu Islam yang berakal, tidak berhid dan nifas dengan niat yang dia melakukannya tanpa ragu-ragu.<sup>8</sup>

Untuk mencapai kesempurnaan berpuasa yang sebenarnya bukanlah hanya sekadar tidak makan, minum dan melakukan persetubuhan ketika berpuasa. Bahkan hendaklah orang yang berpuasa itu berusaha melatih dan mengendali diri dari mengikut hawa nafsu dengan menahan seluruh anggota badannya termasuk hati, iaitu dalam ertikata mata turut berpuasa, telinga berpuasa, kaki berpuasa, tangan berpuasa, hati berpuasa dan seterusnya mencegah diri dari melakukan perkara-perkara yang diharamkan Allah S.W.T. Sebaliknya dia mengerjakan dan memperbanyak amal ibadah seperti solat, tilawah al-Quran, zikrullah dan bersedekah.

Tempoh masa bagi menjalani ibadah puasa ialah bermula dari naik fajar Sadiq hingga jatuh matahari. Dalilnya firman Allah S.W.T yang bermaksud:

*"Dan makanlah serta minumlah sehingga nyata kepada kamu benang putih (fajar Sadiq) daripada benang hitam (kegelapan malam) iaitu waktu fajar, kemudian sempurnakanlah puasa hingga malam hari."*<sup>9</sup>

Fajar Sadiq dikenali sebagai fajar kedua atau fajar Subuh. Mulai dari saat inilah seseorang yang berpuasa itu wajib menahan dirinya dari makan, minum dan apa jua perkara-perkara yang membatalkan puasa sehingga terbenam matahari iaitu masuk waktu Maghrib.

Penetapan ini telah disepakati oleh ijmak dan jumhur ulama dari sahabat dan tabiin. Diriwayatkan dari Saidina Ali k.w bahawasanya apabila beliau telah mengerjakan solat fajar (masuk waktu Subuh) ia berkata:

---

8. Wahbah al-Zuhaili, al-Fiqh al-Islami wa Adillatuhu, Juz 3 hlm 566.

9. Al-Quran, al-Baqarah, ayat 187, Terjemahan, Hamka, Tafsir al-Azhar, Juz 2, hlm 427.



*"Sekarang kita mulai puasa, ketika telah nyata benang putih dari benang hitam."*<sup>10</sup>

### **1.3. Hukum dan Pensyariaan Puasa.**

Puasa adalah suatu ibadah yang telah lama diamalkan dan berkembang dalam masyarakat umat manusia sejak sebelum kedatangan Islam lagi. Sebelum puasa Ramadan difardukan, Rasulullah s.a.w berpuasa pada hari Asyura (10 Muharram) dan baginda memerintahkan kaum muslimin supaya berpuasa pada hari itu. Baginda juga berpuasa tiga hari pada tiap-tiap bulan. Perkara ini dilakukan sejak baginda mula berhijrah ke Madinah sehinggalah Allah S.W.T menurunkan ayat mengenai perintah puasa bulan Ramadan pada bulan Syaaban tahun kedua Hijrah.<sup>11</sup>

Penjelasan mengenai perintah berpuasa ini terdapat dalam firman Allah S.W.T dalam ayat-ayat 183, 184 dan 185 surah al-Baqarah yang bermaksud:

*"Wahai orang-orang yang beriman! Diwajibkan kepada kamu puasa sebagaimana telah diwajibkan atas orang-orang yang sebelum kamu, supaya kamu menjadi orang yang bertaqwa."*<sup>12</sup>

*"Iaitu beberapa hari yang dihitung. Maka barang siapa di antara kamu keadaannya di dalam sakit atau dalam perjalanan, maka perhitungan dari hari yang lain. Dan atas orang yang berat atasnya ialah fidyah iaitu memberi makanan orang miskin. Tetapi siapa yang menderma lebih, maka itu adalah lebih baik untuknya. Dan bahawa berpuasa itu adalah lebih*

---

10. T.M.Hasbi Ash-Shiddiquey, Pedoman Puasa, hlm 46.

11. Hassan Muhammad Ayub, Puasa Dan Iktikaf Dalam Islam, hlm 3.

12. Al-Quran, al-Baqarah, ayat 183. Terjemahan, Hamka, Tafsir al-Azhar, Juz 2, hlm 415 dan 416.

baik buat kamu jika kamu mengetahui." <sup>13</sup>

*"Iaitu sebulan Ramadan, yang diturunkan padanya al-Quran. Menjadi petunjuk bagi manusia dan penjelasan dari petunjuk itu dan pembeda (antara yang hak dengan yang batil). Maka barang siapa yang menyaksikan bulan di antara kamu hendaklah dia puasa. Dan barang siapa yang dalam keadaan sakit atau dalam perjalanan, maka hitungan dihari yang lain, Allah menghendaki keringanan untuk kamu, dan bukanlah Allah menghendaki kesukaran untuk kamu. Dan hendaklah kamu sempurnakan hitungan, dan hendaklah kamu membesarkan nama Allah atas apa yang telah diberikan-Nya petunjuk akan kamu, dan supaya kamu bersyukur."* <sup>14</sup>

Sementara dalil pensyariatan ibadah puasa yang dipetik dari al-Sunnah Rasulullah s.a.w di antaranya:

حدثنا ابو مروان العثما نى ثنا ابراهيم بن سعيد عن الزهرى عن سعيد بن المسيب عن أبي هريرة  
قال : قال رسول الله صلى الله عليه وسلم اذا رأيتم الهلال فصوموا واذا رأيتموه فافطروا فان غم  
عليكم فصوموا ثلاثين يوما <sup>15</sup>

Maksudnya:

*Mewartakan kepada kami Abu Marwan al-Uthmani, mewartakan kepada kami Ibrahim bin Said, dari al-Zuhri, daripada Said Ibn al-Musayyab, dari Abi Hurairah ia berkata: "Bersabda Rasulullah s.a.w apabila kamu melihat anak bulan (Ramadan) maka berpuasalah kamu dan apa bila kamu melihat anak bulan (Syawwal) maka berbukalah kamu. Maka jika mendung, kamu tidak nampak anak bulan maka berpuasalah kamu*

---

13. Al-Quran, al-Baqarah, ayat 184, Ibid, hlm 416.

14. Al-Quran, al-Baqarah, ayat 185, Ibid.

15. Abu Abdullah Muhammad bin Yazid al-Qazwini, Sunan Ibnu Majah, (Dar Ihya al-Kutub al-Arabiyah, t.t), Juz 1, hlm 530.

*mencukupkan bilangannya tiga puluh hari."*

Umat Islam telah ijmak dan sepakat tentang wajibnya puasa Ramadan. Puasa bulan Ramadan diwajibkan selepas perintah memalingkan qiblat ke arah Kaabah pada tahun kedua Hijrah.<sup>16</sup>

#### **1.4. Rukun Dan Syarat-Syarat Puasa.**

##### **1.4.1. Rukun Puasa.**

Terdapat perbezaan pendapat ulama mengenai Rukun Puasa. Menurut ulama Mazhab Hanafi dan Mazhab Hanbali, Rukun Puasa hanya satu iaitu menahan diri dari perkara yang membatalkan puasa. Mazhab Maliki menambah satu lagi rukun iaitu niat pada malam hari dan Mazhab Syafie pula mengatakan selain dua perkara itu, orang yang berpuasa adalah termasuk dalam rukun, kerana menurutnya pengertian puasa hanya akan wujud secara nyata dengan wujudnya ketiga-tiga rukun iaitu:

- i. Menahan diri dari perkara-perkara yang membatalkan puasa.
- ii. Niat pada malam hari.
- iii. Orang yang berpuasa.

Yang dimaksudkan wajib menahan diri dari perkara-perkara yang membatalkan puasa itu termasuklah menahan diri dari makan dan minum dengan senghaja, melakukan persetubuhan, memasukkan sesuatu pada rongga yang terbuka (mulut, telinga, qubul dan dubur), muntah dengan senghaja, berseronok-berseronok hingga keluar mani dan lain-lain yang membatalkan puasa.

---

16. Wahbah al-Zuhaili, al-Fiqh al-Islami wa Adillatuhu, Juz 3, hlm 578.

Niat ialah merupakan qasad puasa, dilakukan pada malam hari dan berakhir hingga sebelum terbit fajar, bagi tujuan mengikhlaskan ibadah kepada Allah S.W.T. Niat tidaklah disyaratkan melafazkan dengan lisan, memadai berniat dalam hati sahaja. Dalil wajib niat itu sebagaimana sabda Rasulullah s.a.w

عن يحيى بن سعيد عن محمد بن ابراهيم عن علقمة بن وقاص عن عمر أن رسول الله صلى  
الله عليه وسلم قال : انما الأعمال بالنية ولكل امرئ ما نوى .....<sup>17</sup>

Maksudnya:

*Dari Yahya bin Said, dari Muhammad bin Ibrahim, dari Alqamah bin Waqqas, dari Umar bahawa sesungguhnya Rasulullah s.a.w telah bersabda: "Sesungguhnya tiap-tiap perbuatan itu adalah mengikut niat dan setiap manusia akan memperolehi apa-apa yang diniatkan....."*

Orang yang berpuasa iaitu orang yang berkewajipan dan bertanggungjawab dalam dua rukun yang terdahulu. Di mana jika tidak ada orang yang berpuasa maka tidaklah dapat diwujudkan kedua-dua rukun itu.<sup>18</sup>

---

17. Syihab al-Din al-Asqallani, Fath al-Bari Syarah Sahih Bukhari, Jld 1, hlm 126.

18. Abd Rahman al-Jaziri, al-Fiqh Ala al-Mazahib al-Arbaah (Beirut: Dar al-Fikr, 1972) Juz 1 hlm 543.

## 1.4.2. Syarat-Syarat Puasa.

Syarat-syarat puasa terbahagi kepada dua, iaitu syarat-syarat wajib dan syarat-syarat sah.

### 1.4.2.(a) Syarat-Syarat Wajib Puasa.

Para fuqaha telah bersepakat menetapkan bahawa syarat-syarat wajib puasa itu lima perkara iaitu:

- i. Islam.
- ii. Baligh.
- iii. Berakal.
- iv. Berkuasa atau berupaya (sihat).
- v. Bermukim.<sup>19</sup>

Setiap orang Islam wajib mengerjakan puasa. Orang kafir tidaklah dituntut dan tidak wajib ke atas mereka berpuasa selagi mereka berkekalan dalam kekafiran. Kanak-kanak, orang gila, orang pengsan dan orang mabuk tidak ada tuntutan taklif ke atas mereka kerana mereka bukan orang yang layak berpuasa sebagaimana yang dinyatakan dalam sabda Rasulullah s.a.w yang diriwayatkan Ahmad, Abi Daud dan al-Tarmizi:

عن عائشة رضي الله عنها عن النبي صلى الله عليه وسلم قال : رفع القلم عن ثلاثة ، عن النائم

<sup>20</sup>

حتى يستيقظ وعن الصبي حتى يحتلم وعن المجنون حتى يعقل

---

19. Wahbah al-Zuhaili, al-Fiqh al-Islami wa Adillatuhu, Juz 3 hlm 610 hingga 615.

20. Muhammad bin Ali Ibnu Muhammad al-Syaukani, Nail al-Authar, (Cairo: Dar al-Hadis, t.t), Juz 1, hlm 300 dan 301.

Maksudnya:

*Dari Aishah r.a. dari Nabi s.a.w. baginda bersabda:*

*"Diangkat qalam dari tiga golongan, iaitu orang yang tidur hingga ia terjaga, kanak-kanak hingga dia bermimpi (baligh) dan orang yang gila hingga ia berakal (sembuh)."*

Orang sakit dan orang musafir tidaklah diwajibkan berpuasa. Semua ulama secara ijmak berpendapat mereka ini diwajibkan mengqada puasa yang ditinggalkan dengan diganti pada hari-hari yang lainnya kerana ketidakupayaan mereka dan disebabkan mereka bermusafir. Dalilnya firman Allah S.W.T yang bermaksud:

*"Dan barangsiapa yang dalam keadaan sakit atau dalam perjalanan (musafir), maka hitungan pada hari-hari yang lain. Sesungguhnya Allah menghendaki keringanan untuk kamu dan bukanlah Allah menghendaki kesukaran untuk kamu." <sup>21</sup>*

Adapun jika disebabkan keuzuran sakit yang tidak ada harapan sembuh dan lanjut usia yang tidak mengizinkan untuk mengqada puasa, mereka ini adalah dikenakan membayar fidyah, sebagaimana yang telah ditegaskan dalam firman Allah S.W.T yang bermaksud:

*"Dan atas orang-orang yang berat mereka atasnya (tidak berkuasa untuk berpuasa), hendaklah ia membayar fidyah iaitu memberi makanan orang miskin." <sup>22</sup>*

---

21. Al-Quran, al-Baqarah, ayat 185, Terjemahan Hamka, Tafsir al-Azhar, Juz 2, hlm 416.

22. Al-Quran, al-Baqarah, ayat 184, Ibid.

#### **1.4.2.(b) Syarat-Syarat Sah Puasa.**

Syarat-syarat sah puasa ada empat perkara.

- i. Islam.
- ii. Mumayyiz.
- iii. Suci daripada haid, nifas dan wiladah.
- iv. Waktu yang dibolehkan berpuasa.<sup>23</sup>

Tidak sah hukumnya berpuasa bagi seorang yang bukan beragama Islam, kanak-kanak yang belum mumayyiz, perempuan yang sedang dalam haid, nifas dan wiladah juga puasa yang dikerjakan pada waktu-waktu yang diharamkan berpuasa seperti pada hariraya Aid al-Fitri, Aid al-Adha, hari-hari Tasyriq dan hari Syak.

#### **1.5. Keuzuran Yang Mengharuskan Berbuka Puasa.**

Puasa Ramadan hukumnya adalah Fardu Ain bagi setiap orang Islam yang mukallaf. Oleh yang demikian haram hukumnya seseorang itu berbuka puasa tanpa sebarang keuzuran. Dalam hal ini Syarak telah memberi peruntukan kepada sesiapa sahaja yang benar-benar uzur adalah diharuskan untuk berbuka puasa. Keuzuran yang dimaksudkan adalah merangkumi perkara-perkara berikut:

i) Sakit: Seorang yang sakit dan ia tidak berupaya untuk berpuasa, kerana ia merasa kluatir sakitnya akan bertambah teruk, tidak akan sembuh atau akan lambat sembuh jika ia berpuasa, samaada berdasarkan sangkaannya atau pengesahan dari doktor Islam yang adil lagi mahir, menurut ijmak ulama golongan ini adalah diharuskan berbuka puasa. Begitu juga bagi seorang yang sihat yang takut ditimpa sakit dengan sebab berpuasa dengan kuat sangkaan atau melalui pengalaman

---

23. Abd Rahman al-Jaziri, al-Fiqh Ala al-Mazahib al-Arbaah, Juz 1 hlm 544.

percubaan atau atas nasihat doktor Islam yang pakar dan adil, mereka adalah diharuskan berbuka puasa. Jika mereka ini meneruskan juga puasanya hingga membebankan atau menyebabkan sakitnya lambat sembuh, hukum puasanya adalah sah tetapi makruh, kerana dengan puasa itu akan memudaratkan dirinya dan sikapnya yang tidak mahu menerima kemudahan yang diberikan Allah S.W.T.<sup>24</sup>

ii) Musafir: Diharuskan berbuka puasa bagi orang musafir dengan syarat musafir itu adalah diharuskan oleh ugama dan jarak jauhnya yang mengharuskan untuk melakukan solat qasar.<sup>25</sup> Walau bagaimana pun adalah afdal bagi orang yang musafir itu berpuasa jika ia kuat dan mampu serta tidak menimbulkan kepayahan kepadanya, sebaliknya lebih utama baginya berbuka jika keadaannya lemah dan tidak berkuasa untuk berpuasa. Ini telah ditegaskan dalam firman Allah S.W.T yang bermaksud:

*"Dan berpuasa itu adalah lebih baik buat kamu jika kamu mengetahui."*<sup>26</sup>

iii. Orang tua yang lanjut usia: Menurut ijmak diharuskan berbuka puasa bagi orang tua yang sudah lanjut usia dan tidak ada keupayaan untuk berpuasa. Jika ia berpuasa akan boleh mendatangkan kesulitan (masyaqqah). Sebagai ganti puasa itu mereka diwajibkan membayar fidyah iaitu memberi makan orang fakir atau miskin secupak makanan yang mengenyangkan pada tiap-tiap hari berpuasa itu.<sup>27</sup>

iv. Perempuan yang mengandung dan menyusukan anak: Perempuan yang hamil dan perempuan yang menyusukan adalah diharuskan berbuka puasa jika ia bimbang

---

24. Hassan Muhammad Ayub, Puasa Dan Iktikaf Dalam Islam, hlm 78 dan 79.

25. Abd Rahman al-Jaziri, al-Fiqh Ala al-Mazahib al-Arbaah, Juz 1 hlm 574.

26. Al-Quran, al-Baqarah, ayat 184, Terjemahan Hamka, Tafsir al-Azhar, Juz 2, hlm 416.

27. Hassan Muhammad Ayub, Puasa Dan Iktikaf Dalam Islam, hlm 83.